

Deskripsi Awal Bahasa Lengilo di Lawas, Sarawak

Nur Ardini Jian Abdullah*, Hamidah Abdul Wahab, Su-Hie Ting

¹Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jelmie@unimas.my

Abstrak: Suku kaum Lengilo merupakan salah satu suku kaum bumiputera yang menetap di Sarawak, dan tergolong dalam kumpulan Lun Bawang. Mereka berhijrah dari Binuang, Kalimantan Indonesia semasa pendudukan Jepun pada sekitar tahun 1940-an. Dianggarkan bahawa terdapat kurang daripada 150 orang penutur di Ba'Kelalan dan Lawas di Sarawak. Populasi kaum ini adalah kecil, dan ramai daripada penutur generasi kedua Lengilo yang tinggal di kawasan bandar dan daripada keturunan perkahwinan campur kurang mahir atau tidak dapat bertutur lagi dalam bahasa tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian awal ini bertujuan meneliti aspek fonetik bahasa Lengilo, memfokus kepada vokal, konsonan dan diftong. Data kajian ini dikumpul menerusi kajian lapangan berdasarkan senarai 100 kosa kata dasar Swadesh. Informan yang ditemu bual berumur 80 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Lengilo memiliki enam jenis konsonan, tiga jenis vokal dan tiga diftong. Konsonan afrikat tidak ditemukan berdasarkan senarai 100 kata yang diteliti. Huraian awal bahasa Lengilo adalah penting dijalankan untuk kajian perbandingan bahasa ini dengan bahasa kumpulan peribumi dalam kategori Lun Bawang.

Kata kunci: Lengilo, Sarawak, bahasa, vokal, konsonan, diftong

Abstract: The Lengilo is one of the indigenous groups who live in Sarawak, who are categorised as belonging to the Lun Bawang group. They migrated from Binuang, Kalimantan Indonesia during the Japanese Occupation in the 1940s. It is estimated that there are less than 150 speakers in Ba'Kelalan and Lawas in Sarawak. Partly because of their small population, many of the second generation Lengilo who live in urban areas and are descended from mixed marriages can no longer speak Lengilo. This preliminary study examines phonetic aspects of the Lengilo language, focussing on vowels, consonants and diphthongs. To collect the data, a Swadesh list of 100 words was used. The informant interviewed was 80 years old. The results show that the Lengilo language has six types of consonants, three types of vowels and diphthongs. The affricate at the post-alveolar place of articulation seems to be absent based on the 100-word list examined. The initial description of the Lengilo language is important for comparison with languages of indigenous groups in the Lun Bawang category.

Keywords: Lengilo, Sarawak, language, vocal, consonants, diphthongs

1. Pengenalan

Bahasa merupakan sebahagian daripada elemen yang mencerminkan identiti sesebuah masyarakat, dan memiliki keunikannya tersendiri serta membezakannya dengan masyarakat bahasa yang lain. Dalam mempertahankan identiti sesebuah masyarakat bahasa, usaha kelestarian penggunaan bahasa menjadi titik penting bagi masyarakat tersebut terus bertahan dalam kerencaman etnik dan suku kaum di sesebuah negara. Dengan kepelbagaian budaya dan bahasa yang bertembung dan berasimilasi, kelestarian sesebuah bahasa boleh menjadi suatu usaha yang sukar, lebih-lebih lagi apabila melibatkan kaum bersifat minoriti.

Dalam konteks kebahasaan di Sarawak, kepelbagaian suku kaum turut menampakkan kerencaman dan kepelbagaian bahasa yang berjumlah lebih daripada 40 bahasa dan dialek (Mohamed, 2003), termasuklah budaya. Dalam konteks ini, wujud situasi sesebuah masyarakat mengalami kesan dan dalam sesetengah keadaan menggolongkan suku kaum dan bahasa mereka sebagai suku kaum serta bahasa tempatan. Keadaan ini didorong oleh rasa ingin diterima dalam masyarakat majoriti. Sungguhpun demikian, usaha mempertahankan bahasa dan budaya yang menjadi identiti sesebuah kaum semampunya tetap ingin diteruskan.

Bagi kaum Lengilo, kumpulan mereka menggolongkan diri mereka sebagai kelompok Lun Bawang. Suku kaum Lengilo menetap di kawasan Ba'Kelalan dan Lawas, iaitu selepas bermigrasi dari Binuang, Kalimantan Indonesia. Dianggarkan terdapat kurang daripada 150 orang penutur yang menetap di kawasan tersebut. Terdapat juga penutur yang telah berpindah ke Kuching, Bintulu dan kawasan-kawasan lain untuk tujuan pekerjaan, malah ada antara mereka yang kurang mahir lagi bertutur menggunakan bahasa Lengilo. Dengan kepesatan dan kemajuan semasa, penutur Lengilo, khususnya generasi kedua sudah kurang menggunakan bahasa Lengilo dalam komunikasi seharian. Bertitik tolak daripada ini, kajian awal ini dijalankan bagi meneliti aspek bahasa suku kaum Lengilo yang kelihatannya semakin dipinggirkan. Kajian ini dilihat penting sebagai satu usaha mendokumentasikan bahasa suku kaum ini sebagai sebahagian bahasa yang wujud dan dituturkan di Sarawak.

Penelitian awal ini memfokus kepada deskripsi bahasa dengan perincian vokal, diftong dan konsonan bahasa Lengilo. Sehubungan dengan itu, kajian lapangan dijalankan bagi pengumpulan data bahasa Lengilo. Bagi penelitian ini, seorang lelaki berumur 80 tahun menjadi informan dalam temu bual yang dijalankan secara bersemuka. Informan kajian merupakan penutur asli bahasa Lengilo dan arif dalam bahasa berkenaan. Kaedah lafaz diaplikasi oleh pengkaji dalam memperoleh kata-kata bahasa Lengilo berdasarkan senarai 100 kosa kata dasar Swadesh dan dirakam dengan persetujuan informan. Dalam proses temu bual, pengkaji menyebut setiap perkataan dalam bahasa Melayu dan meminta informan menyatakan perkataan dalam bahasa Lengilo. Menerusi kaedah ini, sebutan yang kurang jelas dapat disahkan dan seterusnya membantu pengkaji mengumpul data yang sebenar-benarnya menurut bahasa informan. Data bahasa yang dicatat dan ditranskripsi secara fonetik seterusnya dianalisis bagi memperincikan aspek vokal, konsonan dan diftong bahasa Lengilo.

2. Ulasan Kajian Lepas

Pemfokusan pengkaji-pengkaji terdahulu dalam menjelaskan senario kebahasaan di Sarawak lebih cenderung kepada kajian melibatkan bahasa-bahasa kaum majoriti seperti Melayu Sarawak, Iban, Bidayuh dan Melanau. Kajian yang dimaksudkan melibatkan pelbagai aspek bahasa, linguistik, sastera, budaya, antaranya termasuklah yang dijalankan oleh Abang Muhi (2014), Omar (1983), Omar dan Sandai (2012), Chong Shin (2010), Collins (2000), Mohamed dan Mohd. Yusof (2004), Norahim (2017), Omar dan Norahim (2020), dan Ab. Hamid et al. (2023). Daripada kajian-kajian tersebut, Mohamed dan Mohd. Yusof (2004, 2011) dan Omar dan Norahim (2020) didapati turut meneliti bahasa kaum minoriti di Sarawak, seperti subkeluarga Kayan, Kenyah, Kelabit, Penan, Punan, dan Kajang. Sepertimana yang dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, suku Lengilo menggolongkan diri mereka dalam kelompok Lun Bawang. Menerusi penelitian dalam kajian Omar dan Norahim (2020) misalnya, terdapat andaian bahawa Lun Bawang, Lun Dayeh dan Kelabit tergolong dalam satu kelompok subkeluarga bahasa. Lun Bawang juga dikategorikan sebagai sebuah bahasa dalam kategori terancam, iaitu bahasa yang kehilangan vitalitinya sebagai alat komunikasi dalam komuniti penuturnya (Omar, 2017). Sungguhpun terdapat kajian berkaitan Lun Bawang, namun pemerian tentang Bahasa Lengilo sangat terhad, walaupun secara asasnya terdapat penutur dalam tersebut dalam komuniti Lun Bawang. Fenomena ini menimbulkan persoalan melibatkan aspek bahasa kaum ini, dan hubung kaitnya dengan bahasa-bahasa lain, misalnya bahasa Kelabit dan bahasa Lun Bawang sendiri. Sehubungan dengan itu, kajian awal ini bertujuan meneliti aspek Bahasa Lengilo, khususnya vokal, diftong dan konsonan.

3. Aspek Linguistik Bahasa Lengilo

Penelitian awal berkaitan bahasa Lengilo memfokus kepada pemerian aspek fonetik, merangkumi vokal, konsonan dan diftong yang terdapat dalam bahasa kajian. Menerusi huraian deskriptif bunyi-bunyi bahasa, iaitu bunyi-bunyi yang bermakna dan diwakili oleh lambang yang ditentukan (Zahid, 2021) dalam bahasa Lengilo, ditemukan vokal, konsonan dan diftong, seperti huraian dalam bahagian berikut:

i. Deskripsi Vokal Bahasa Lengilo

Bunyi vokal merupakan bunyi yang dihasilkan tanpa melibatkan sebarang sekatan pengaliran udara dan bunyi ini dirujuk sebagai bunyi bersuara (Zahid, 2021). Bunyi-bunyi vokal ditentukan dengan berdasarkan kedudukan lidah penutur, iaitu semasa menyebut dan melibatkan pembukaan bibir, justeru menghasilkan sama ada bunyi vokal depan, bunyi vokal belakang atau bunyi vokal tengah. Dalam hal ini, bentuk bibir dan saiz rongga mulut menentukan jenis vokal. Secara lebih khusus dan sebagai percontohan, Zahid (2021) memperincikan lapan vokal yang wujud dalam bahasa Melayu, iaitu terdiri daripada vokal depan sempit [i], vokal depan separuh sempit [e], vokal depan separuh luas [ɛ], vokal depan luas [a], vokal belakang sempit [u], vokal belakang separuh sempit [o], vokal belakang separuh luas [ɔ], dan vokal tengah pepet (schwa) [ə].

Dalam bahasa Lengilo, ditemukan tiga jenis bunyi vokal, yaitu bunyi vokal tinggi, tengah dan rendah. Secara khusus, bunyi-bunyi ini terdiri daripada vokal hadapan sempit, vokal hadapan separuh sempit dan vokal hadapan separuh luas. Selain itu, terdapat satu vokal tengah separuh luas dan tiga bunyi vokal belakang yang terdiri daripada vokal belakang sempit, vokal belakang separuh sempit dan vokal belakang separuh luas. Contoh-contoh bunyi vokal bahasa Lengilo dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bunyi-bunyi vokal bahasa Lengilo

Bil.	Jenis bunyi vokal	Contoh perkataan bahasa Lengilo	Makna perkataan dalam bahasa Melayu
1.	Vokal Hadapan Sempit [i]	[ikəh] [lison] [lawid]	kau/kamu/engkau/awak kuku ikan
2.	Vokal Hadapan Separuh Sempit [e]	[raye] [nēŋār]	besar dengar
3.	Vokal Hadapan Separuh Luas [ɛ]	[atɛ]	hati
4.	Vokal Hadapan Luas [a]	[aŋād] [dalam] [bada]	banyak jalan pasir
5.	Vokal Tengah Separuh Luas [ə]	[ləmūlun] [dərak] [mābatak]	orang darah hijau
6.	Vokal Belakang Sempit [u]	[uloh] [kutuh] [batu]	kepala kutu batu
7.	Vokal Belakang Separuh Sempit [o]	[pusok] [nōn] [abo]	jantung apa abu
8.	Vokal Belakang Separuh Luas [ɔ]	[ɔkɔk] [pɔkuŋ] [dəsɔr]	anjing gunung perempuan

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat lapan vokal yang ditemukan dalam bahasa Lengilo. Kebanyakan vokal didapati dapat menempati posisi tengah kata, namun ada antara bunyi vokal bahasa ini yang dapat menempati posisi awal kata, misalnya vokal i, a, u dan ə, manakala vokal e, ɛ, a, u dan o didapati boleh berada pada kedudukan akhir kata. Dengan data yang sederhana menerusi tinjauan awal ini, didapati penyebaran bunyi vokal dalam kata bahasa Lengilo adalah agak meluas, walaupun tidak menyeluruh.

ii. Deskripsi Diftong Bahasa Lengilo

Bunyi diftong merujuk kepada bunyi geluncuran, yang terhasil menerusi geluncuran dua bunyi vokal, iaitu daripada satu bunyi vokal yang pertama menggeluncur ke bunyi vokal kedua. Hal ini bermaksud terdapat dua bunyi vokal yang dibunyikan secara berturut-turut, misalnya diftong [ai], [au] dan [oi] dalam bahasa Melayu (Zahid, 2021). Dalam diftong, bunyi vokal pertama adalah lebih lantang berbanding dengan bunyi vokal yang kedua.

Penelitian terhadap bahasa Lengilo turut menunjukkan bahawa bahasa ini mempunyai diftongnya yang tersendiri. Jenis diftong berserta contoh perkataan serta maksudnya dalam bahasa Melayu ditunjukkan menerusi Jadual 2.

Jadual 2: Bunyi-bunyi diftong bahasa Lengilo

Bil.	Jenis diftong	Contoh perkataan bahasa Lengilo	Makna perkataan dalam bahasa Melayu
1.	[ai]	[ai] [kai] [mātai] [mōrai] [ŋātai]	siapa kami mati beri bunuh
2.	[ui]	[apui]	api
3.	[oi]	[ləmāŋōĩ]	berenang

Menerusi Jadual 2, didapati bahasa Lengilo mempunyai tiga diftong, iaitu [ai], [ui] dan [oi]. Dengan data awal yang terhad, dapatan daripada senarai kata bahasa Lengilo menampakkan kecenderungan diftong [ai] yang didapati lebih produktif berbanding dengan diftong [ui] dan [oi] yang agak terhad jumlahnya.

iii. Deskripsi Konsonan Bahasa Lengilo

Bunyi konsonan terhasil apabila berlakunya sekatan udara yang melalui saluran suara dan penghasilan ini berkait rapat dengan jenisnya sama ada bersuara atau tak bersuara, lokasi pengeluaran bunyi yang menerima sekatan tersebut, cara sekatan berlaku pada aliran udara dan cara menghasilkan bunyi tersebut (Zahid, 2021). Daerah-daerah sebutan yang terlibat dalam menghasilkan bunyi-bunyi konsonan termasuklah dua bibir, bibir-gigi, gigi, gusi, lepas gusi, lelangit keras-gusi, lelangit keras, lelangit lembut dan glotal. Cara sebutan bunyi-bunyi konsonan pula merangkumi plosif, nasal, afrikat, frikatif, getaran, lateral dan separuh vokal.

Jadual 3 menunjukkan data bahasa Lengilo berkaitan dengan bunyi-bunyi konsonan yang ditemukan menerusi analisis yang telah dijalankan.

Jadual 3: Bunyi-bunyi konsonan bahasa Lengilo

Bil.	Jenis konsonan	Contoh perkataan bahasa Lengilo	Makna perkataan dalam bahasa Melayu
1.	Plosif (letupan) Plosif bilabial tak bersuara [p]	[pənũk]	penuh
		[laput]	awan
		[rudap]	tidur
	Plosif bilabial bersuara [b]	[bulu]	bulu
		[mãbatak] [nãsəb]	hijau terbakar
	Plosif alveolar (letupan gusi) [t]	[tisok]	tangan
		[mãtəh]	mata
[su ^w it]		burung	
Plosif alveolar (letupan gusi) [d]	[dilaʔ]	lidah	
	[mũdan] [lawid]	hujan ikan	
Plosif velar (letupan langit lembut) [k]	[kəlik]	tahu	
	[dukuʔ] [tanāk]	duduk tanah	
	[gituʔən]	bintang	
Plosif glotal (letupan pita suara) [ʔ]	[mãsiaʔ]	merah	
	[dikiʔ]	kecil	
	[mãbudaʔ]	putih	
2.	Nasal (sengau) Nasal bilabial (sengau dua bibir) [m]	[mõŋ]	semua
		[kumãn] [mãləm]	makan malam
		Nasal alveolar (sengau gusi) [n]	[nãsəb]
[inĩh] [lipan]	ini gigi		
Nasal velar (sengau langit lembut bersuara) [ŋ]	[ŋãdan]	nama	
	[uŋã]	tanduk	
	[isuŋ]	hidung	
3.	Frikatif (Geseran) Frikatif labiodental (geseran gigi bibir) [f]	[fok]	rambut
		[rəfun]	asap
	Frikatif alveolar (geseran gusi) [s]	[su ^w it] [mãta sao]	burung matahari

			[pusok]	jantung
		Frikatif glotal (geseran pita suara) [h]	[dɔlaʔih] [mɔlibuh]	lelaki bulat
4.	Trill (Getaran)	Trill postalveolar (getaran lepas gusi) [r]	[riʔər] [tərur] [niʔər]	leher telur lihat
5.	Lateral (Sisian)	Lateral-alveolar [l]	[lison] [kulit] [təlubid]	kuku kulit berbaring
6.	Separuh vokal	Separuh vokal labio-velar (lelangit lembut-bibir) [w]	[waŋ] [lawid] [lawa kajuh]	daging ikan pokok/pohon
		Separuh vokal palatal (lelangit keras) [j]	[anit kajuh] [raje]	kulit pokok besar

Menerusi Jadual 3, didapati bahawa bahasa Lengilo memiliki enam jenis konsonan dengan keseluruhan 17 konsonan berdasarkan daerah penyebutannya. Dalam penelitian ini dapat dilihat juga berlakunya nasalisasi melibatkan vokal-vokal yang hadir selepas konsonan nasal atau sengau. Konsonan-konsonan bahasa ini juga ada tidak menempati semua posisi awal, tengah dan akhir kata, misalnya plosif velar [g], frikatif alveolar [s], frikatif glotal [h], dan lateral-alveolar [l]. Konsonan afrikat seperti [č] dan [j] pula tidak ditemukan dalam senarai kosa kata dasar yang diteliti. Sungguhpun demikian, dapatan dengan senarai kata yang lebih kaya berkemungkinan menunjukkan hasil yang berbeza dengan dapatan sedia ada ini.

4. Kesimpulan

Penelitian awal terhadap bahasa Lengilo dari sudut fonetik menunjukkan bahawa bahasa ini memiliki enam jenis konsonan, tiga jenis vokal dan tiga jenis diftong. Huraian berkaitan fonetik bahasa Lengilo dapat menghasilkan deskripsi awal bahasa Lengilo dan sewajarnya diberikan perhatian setanding dengan bahasa sukuan lain di Sarawak. Kajian dan pendokumentasian seumpama ini amat penting diusahakan agar kelestarian bahasa sukuan dapat diteruskan, dan pada masa yang sama dapat memelihara khazanah bahasa dan budaya suku kaum di Sarawak. Kajian lanjutan berkaitan perbandingan bahasa ini dengan bahasa-bahasa dalam subkeluarga yang sama yang akan diusahakan selanjutnya dapat memperincikan lagi bahasa ini dari sudut kekeluargaan dan kekerabatan bahasa. Langkah ini penting dilaksanakan agar bahasa dan identiti kaum Lengilo dapat dibuktikan keberadaannya dalam lanskap linguistik di Sarawak, iaitu sebagai salah sebuah kaum yang turut kaya dengan bahasa dan budayanya yang tersendiri.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai di bawah Geran Kursi Dayak, Universiti Malaysia Sarawak. No. Geran: UNI/F09/DRC/85543/2023

Rujukan

- Abang Muhi, A. P. (2014). Ungkapan tradisional masyarakat Melayu Sarawak. Dlm. Awang Pawi, A. A. (Ed.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya*, 169-186. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Ab. Hamid, N., Shahidi, A. H., & Meor Osman, W. R. (2023). Variasi vokal dan diftong bahasa Melanau Sarawak. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(4), 245-262.
- Amir, J. (2016, 29 Julai). Mencari kaum yang hilang di Sarawak. *Suara Sarawak* <https://sarawakvoice.com/2016/07/29/mencari-kaum-yang-hilang-di-sarawak/>
- Collins, J. T. (2000). Kepelbagaian dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Jurnal Dewan*, 44(1), 2-17.
- Chong Shin. (2010). Akomodasi pertuturan dari bahasa Iban ke bahasa Iban. *Jurnal Bahasa*, 19, 105-111.
- Mohamed, N. (2003). *Beberapa topik asas Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamed, N., & Mohd. Yusof, R. (2004). Persamaan dan kemiripan bahasa: Perbandingan kosa kata dasar 10 bahasa Austronesia di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 4(2), 278-359.
- Mohamed, N., & Mohd. Yusof, R. (2011). *Pengelompokan leksikostatistik bahasa-bahasa peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Norahim, N. (2017). Bidayah as threatened language. Dlm. Omar, A., & Norahim, N. (Eds.), *Linguistic minorities: Their existence & identity within larger communities*, 37-60. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Omar, A., & Sandai, R. (2012). *Fonologi bahasa Iban: Fonologi jaku Iban*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Omar, A. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2017). Safe and unsafe languages: A focus on languages in Malaysia. Dlm. Omar, A., & Norahim, N. (Eds.), *Linguistic minorities: Their existence & identity within larger communities*, 11-25. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Omar, A. (2018). Teori dan kaedah fonetik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Omar, A., & Norahim, N. (2020). *Indigenous communities and languages of Sarawak, Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Swadesh, M. (1955). *Concept list Swadesh 1955 100*.
<https://concepticon.clld.org/contributions/Swadesh-1955-100>
- Zahid, I. (2021). *Fonetik dan fonologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.